

*Strategi Pemahaman Teks***Hajjah Marzia Abdul Rahman**

hajjah\_marzia@moe.edu.sg

**Rasyidah Bajuri**

rasyidah\_bajuri@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fuchun

*Abstrak*

Setelah meneliti keputusan murid yang menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah rendah (PSLE), analisis item dan keputusan tahunan murid didapati bahawa murid memerlukan sokongan untuk menjawab soalan-soalan kefahaman dengan lebih baik. Kajian ini telah melibatkan murid-murid Darjah 6 dan dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan strategi bagi membantu murid memahami teks yang dibaca. Melalui strategi 'membina kaitan antara teks dengan pengalaman', dan 'membuat ramalan berdasarkan informasi', murid-murid diharapkan dapat mencari bukti untuk menyokong jawapan mereka. Jika menghadapi masalah, murid akan dapat menggunakan strategi 'Fix up' untuk mengatasi masalah untuk menjawab soalan kefahaman dengan baik. Dapatan kajian menunjukkan keputusan yang diraih murid dalam peperiksaan SA1 menunjukkan murid dapat memahami teks dengan lebih baik dengan menggunakan strategi yang disarankan. Seramai 72% murid menunjukkan peningkatan kelakonan dalam komponen kefahaman mereka.

Kata Kunci: pemahaman teks, strategi pemahaman



## PENGENALAN

Program kurikulum berasaskan sekolah telah dijalankan untuk murid Darjah 6 di Sekolah Rendah Fuchun. Program ini merupakan satu lagi usaha untuk menyediakan perancah bagi murid mengatasi kesukaran mereka dalam menjawab soalan-soalan kefahaman. Program ini telah direka untuk menyokong murid dalam memahami teks dan memberi penekanan kepada penggunaan strategi yang telah diajar agar murid memahami teks-teks yang diberikan.. Ini dilakukan kerana terdapat keperluan untuk menunjukkan kepada murid bahawa strategi-strategi yang diajar boleh digunakan untuk memahami teks bacaan.

Strategi-strategi yang digunakan telah diajar kepada murid secara berperingkat-peringkat. Aktiviti perancahan telah dilakukan untuk murid melengkapkan latihan yang diberikan secara berpasangan dan secara memberikan sumbang saran sebelum hasil pembelajaran mereka dinilai secara individu. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa murid memahami sepenuhnya penggunaan strategi yang diperkenalkan dan dapat mengenal pasti strategi yang perlu digunakan dan menggunakan strategi yang sesuai untuk mengatasi kesukaran yang dihadapi serta bersikap lebih yakin apabila melengkapkan tugasan secara individu.

Pada akhir pelaksanaan program ini, murid dikehendaki menggunakan strategi yang diajar untuk memahami teks yang diberikan dan menjawab soalan kefahaman dengan meraih 70% markah. Dalam usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, murid perlu menjawab soalan-soalan kefahaman itu dengan menggunakan ayat yang lengkap. Guru menunjuk cara menulis ayat yang betul semasa latihan. Pemantauan terhadap jawapan yang diberikan oleh murid dalam ayat yang lengkap dijalankan pada setiap fasa.

Program ini dijalankan selama dua penggal, dua kali seminggu selama satu jam setiap sesi. Teks-teks yang dipilih sebagai alat pengajaran dipastikan baik dan dapat dihubungkan dengan diri murid. Teks yang digunakan adalah teks dari kertas peperiksaan PSLE yang lalu.



Strategi-strategi yang diajar termasuklah:

1. Mencari hubungan dan makna
2. Membuat ramalan
3. Menilai pemahaman sendiri
4. Membuat gambaran
5. Strategi '*Fix up*'

Harvey dan Goudvis (2007) menyenaraikan strategi-strategi tersebut untuk membantu pemahaman murid. Strategi-strategi itu dipilih berdasarkan kebolehan murid dan diterap dalam pengajaran kefahaman di sekolah. Strategi yang dipilih juga adalah berdasarkan keupayaan strategi tersebut membantu murid mengatasi masalah pemahaman teks.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Murid-murid sering didapati menghadapi masalah untuk memahami teks kefahaman yang diberikan. Oleh yang demikian, mereka sering tidak mampu menjawab soalan-soalan yang disediakan berdasarkan teks yang dibaca. Sering kali soalan-soalan tersebut dianggap sukar untuk dijawab menyebabkan murid tidak dapat menjawab dengan tepat. Inilah yang menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah bagi komponen kefahaman dalam peperiksaan.

Suatu analisis telah dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan murid-murid. Murid kurang memahami teks kerana beberapa perkara, antaranya adalah kosa kata yang sukar mereka fahami, isi cerita yang kurang difahami dan soalan yang mengelirukan. Maka, suatu pengajaran perlu dijalankan di mana murid harus memahami teks kefahaman dengan sepenuhnya sebelum dapat menjawab soalan yang diajukan dengan baik. Salah satu cara yang dapat dilakukan untuk mengatasi kendala ini adalah dengan guru mengajar beberapa strategi yang boleh diguna pakai oleh murid jika mereka menghadapi kesukaran semasa memahami sesebuah teks.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:



1. Untuk memastikan murid dapat menyatakan idea utama dan sampingan, membuat ramalan dan inferens berdasarkan maklumat dan memberikan alasan untuk menyokong ramalan atau inferens yang dibuat; dan
2. Untuk memastikan murid dapat menggunakan strategi yang diajar untuk memahami teks yang diberikan dan menjawab soalan kefahaman dengan meraih 70% markah.

## KAJIAN LEPAS

Kajian Duke dan Pearson (2009) menyatakan pentingnya latihan kefahaman membaca yang efektif. Pengkaji telah menerangkan beberapa strategi yang berkesan untuk pengajaran kefahaman contohnya: interaksi di antara murid dengan guru, pertanyaan yang diajukan, menyuarakan pendapat serta membuat ramalan. Duke dan Pearson juga menyatakan bahawa pembaca yang baik adalah pembaca aktif yang melihat di luar struktur teks dan meramalkan apa yang mungkin berlaku berkaitan peristiwa dalam teks. Pandangan-pandangan yang mereka berikan merupakan asas bagi pemahaman seterusnya.

Kajian ini memberi tumpuan kepada strategi penyoalan, menyuarakan pendapat dan membuat ramalan. Murid bukan sahaja berinteraksi dengan guru, tetapi bersama rakan-rakan sebaya. Strategi-strategi yang telah diajar menilai pemahaman murid dan memastikan bahawa mereka membuat kaitan dengan teks sebelum membuat ramalan dan mencari bukti-bukti. Ini dijalankan di dalam kelas dengan rakan sebaya. Guru melaksanakan pemantauan untuk memastikan murid benar-benar faham dan menggunakan strategi yang diajarkan.

Menurut Ann Ketch (2005), semasa pembaca memberi respons kepada kandungan teks, mereka akan membuat hubungan antara diri mereka dengan teks tersebut. Melalui hubungan dengan teks, dengan dunia, latar belakang murid, dan pengalaman atau skema, murid akan berasa seperti watak dalam cerita atau mengaitkan pengalaman peribadi mereka dengan apa yang dilalui oleh watak.

Berbekalkan pengetahuan ini, teks yang dipilih dapat dihubungkan dengan pengalaman diri murid. Jika murid tidak mempunyai pengetahuan sedia ada, aktiviti sumbang saran dan tugas berpasangan secara berstruktur



dijalankan untuk membantu murid memperoleh pengalaman. Video berkaitan dengan teks juga dimainkan agar murid dapat meraih pengalaman dan memahami teks dengan lebih berkesan.

Roehler dan Cantlon (1997) mengenal pasti lima jenis perancah iaitu:

- a. Menawarkan penjelasan;
- b. Menggalakkan penyertaan murid;
- c. Menjelaskan pemahaman murid;
- d. Mempamerkan tingkah laku yang diingini; dan
- e. Menggalakkan murid untuk menyumbang saran mengenai sesuatu isu atau masalah dan menyatakan sebab.

Melalui teknik-teknik perancahan ini, kajian telah dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan strategi yang terpilih agar dapat meningkatkan pemahaman murid dalam memahami teks. Teknik-teknik perancahan ini digunakan dengan melibatkan setiap murid dan pada setiap fasa kajian ini.

Pada awalnya, penjelasan mengenai strategi diajar menggunakan teks yang agak mudah kerana tujuan pengajaran adalah agar murid memahami strategi. Latihan-latihan menggunakan strategi juga diberi tumpuan agar murid dapat menggunakan strategi dengan betul dan meyakinkan diri menggunakan strategi yang diajar. Latihan yang dijalankan berbentuk berkumpulan dan kemudiannya, berpasangan. Hal ini membolehkan murid berinteraksi dengan rakan-rakan dan meningkatkan kemahiran.

Murid juga ditanya soalan-soalan untuk memantau pemahaman mereka dan mereka perlu menjelaskan jawapan mereka secara lisan. Jika mereka menghadapi masalah memberikan penjelasan, guru akan menggalakkan murid-murid lain untuk membantu menjelaskan pemahaman. Pemahaman dijelaskan berdasarkan sebab dan bukti yang terdapat dalam teks yang dibaca. Untuk memastikan murid-murid mempamerkan tingkah laku yang diingini, guru menunjukkan cara-cara penulisan jawapan kefahaman yang diinginkan.



## KAEDAH KAJIAN

### Subjek Kajian

Program dan kajian yang dijalankan melibatkan 50 orang murid Darjah 6 selama dua penggal. Murid-murid tersebut datang dari dua kelas yang berlainan dan diajar oleh dua orang guru yang berbeza. Program dan kajian telah dijalankan di dalam kelas Bahasa Melayu dua kali seminggu dan selama 1 jam setiap sesi. Satu teks dipilih untuk pengajaran strategi-strategi dan tiga teks berlainan digunakan sebagai latihan pengukuhan. Teks yang dipilih diambil daripada kumpulan teks kefahaman peperiksaan PSLE.

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk '*within-participants*' yang mana markah murid dari setiap kelas dicatat pada awalnya dan sesudah menjalani program iaitu di dalam keadaan sekitaran yang berbeza. Keadaan sekitaran merupakan keadaan sebelum dan selepas menjalani aktiviti-aktiviti perancah yang diajarkan.

### Praujian

Keputusan penilaian berterusan murid (*Continual Assessment*) dalam bahagian kefahaman telah dianalisis untuk memahami tahap pengetahuan murid tentang teks dan cara mereka menjawab soalan-soalan kefahaman. Dalam usaha untuk mendapatkan pemahaman tentang keperluan murid, satu bentuk penilaian sendiri telah diberikan kepada murid bagi mereka menyatakan sebab-sebab mereka tidak dapat menjawab soalan kefahaman dengan baik. Data tersebut juga menjadi dasar bagi menganalisis peningkatan markah dalam pencapaian murid bagi komponen kefahaman selanjutnya.

Guru-guru terlibat membina lembaran kerja untuk digunakan dalam merancah pemahaman murid. Guru-guru yang mengajar memastikan mereka sudah bersedia menjalankan pengajaran dengan menyiapkan beberapa jawapan contoh bagi soalan-soalan yang mungkin murid kemukakan. Guru-guru juga mengenal pasti beberapa perkataan yang mungkin tidak difahami oleh murid dan kemudiannya menyiapkan cara dan strategi untuk mengatasi masalah tersebut.



## Prosedur

Dalam fasa pertama, murid diberitahu tentang objektif yang perlu dicapai. Murid kemudian dipertonton sebuah video mengenai strategi yang perlu diteliti. Murid dimaklumkan mengenai urutan strategi yang perlu diikuti dan mengapa ia penting untuk menggunakan strategi tersebut dalam memahami teks dan seterusnya menjawab soalan-soalan kefahaman yang diajukan. Penjelasan mengenai objektif dan apa yang murid perlu ikuti penting agar murid dapat memahami sepenuhnya sebab-sebab mengapa kajian ini dijalankan dan untuk memastikan murid tahu apa yang bakal dilakukan dan apa yang diharapkan daripada mereka. Namun, guru-guru selalu mengingatkan murid bahawa strategi yang diajar tidak semestinya dilakukan secara berurutan. Strategi-strategi tersebut merupakan perancahan jika murid menghadapi masalah memahami teks yang dibaca. Oleh kerana murid lemah dalam pemahaman teks, strategi yang diajar dapat secara langsung digunakan.

Murid memulakan proses pemahaman teks dengan membaca teks bersama guru. Guru kemudian memperkenalkan strategi mencari hubungan dan makna. Guru menunjukkan kepentingan strategi untuk memahami teks ini dengan menggunakan contoh. Guru secara lantang menyuarakan pendapat dan menyatakan pengalaman yang mungkin murid dapat kaitkan dengan pengalaman mereka. Jika ada murid yang tidak mempunyai pengalaman mengenai teks yang dibaca, murid dapat mendengar penjelasan rakan-rakan yang lain dan kemudiannya mengaitkan hubungan dengan teks yang dibaca. Murid juga diajar untuk mencari hubungan dan makna dalam teks yang dibaca. Setiap ayat dibaca semula satu persatu dan kemudiannya mencari hubungan antara keduanya.

Seterusnya, murid melengkapkan lembaran kerja yang menyatakan perasaan atau peristiwa dan sebab mengapa sesebuah peristiwa itu terjadi dengan mencari klu untuk menyokong sebab dan kesan kepada perasaan atau peristiwa yang berlaku. Murid kemudiannya melengkapkan lembaran kerja itu secara berpasangan. Ini bertujuan untuk memastikan murid dapat membina keyakinan menggunakan strategi dan belajar daripada satu sama lain.



Soalan-soalan yang dikemukakan untuk menyemak pemahaman murid adalah seperti yang berikut:

- Apakah yang ingin disampaikan?
- Bagaimana kamu tahu perkara itu?
- Di manakah buktinya?

Dengan menjawab soalan-soalan renungan, murid dapat mengaitkan hubungan isi-isi teks dan menyatakan pendapat mereka. Ini tidak secara langsung membantu murid dalam menjawab soalan kefahaman. Murid mengimbas semula strategi yang telah diajar. Setelah itu, murid diperkenalkan dengan strategi kedua iaitu membuat ramalan semasa fasa kedua.

Murid diberitahu mengenai kepentingan menilai pemahaman semasa membaca dan membuat ramalan adalah salah satu strategi yang boleh digunakan.

Semasa membaca, guru akan menghentikan pembacaan jika murid menghadapi masalah memahami teks. Murid cuba membuat ramalan mengenai peristiwa dalam teks berdasarkan pengalaman mereka. Murid akan berbincang dan mencatatkan ramalan mereka di kertas. Ramalan murid digunakan sebagai contoh dan murid diminta menyatakan bukti-bukti dari teks yang menyebabkan mereka membuat ramalan itu. Murid kemudiannya membaca teks semula untuk mencari fakta sebenar dan mendapatkan bukti-bukti di dalam teks agar menyokong fakta tersebut. Cara ini membolehkan murid berinteraksi dengan teks dan tidak hanya membaca teks dari awal hingga selesai.

Penggunaan strategi yang dipelajari oleh murid telah dinilai dengan menggunakan teks yang berbeza. Murid melengkapkan penilaian berupa soalan-soalan ramalan secara individu. Latihan individu dipilih kerana perbezaan ramalan antara murid dan bukti yang dapat dicari oleh murid berbeza.

Dalam langkah seterusnya, murid mengimbas semula kedua-dua strategi yang telah diajar sebelum diperkenalkan kepada strategi yang lain iaitu menilai pemahaman sendiri dan membuat gambaran. Murid dimaklumkan sekali lagi





tentang kepentingan menilai pemahaman semasa membaca bagi memastikan mereka memahami teks sepenuhnya. Ini dilakukan dengan tujuan untuk mengingatkan murid betapa pentingnya memahami sesebuah teks dan bukan hanya membaca teks untuk menjawab soalan.

Setelah itu, murid diberi soalan renungan semasa membaca. Mereka kemudiannya mencatat nota ringkas mengenai apa yang mereka tahu atau faham tentang teks yang dibaca. Lembaran kerja yang diberikan terdiri daripada soalan-soalan yang akan menilai pemahaman mereka semasa membaca. Berikut adalah soalan-soalan yang diajukan:

- Jika perkara itu tidak diberitahu, bagaimanakah anda membuat kesimpulan?
- Adakah anda memahami teks? Apakah yang anda faham?

Murid-murid akan melukis atau membayangkan sebuah senario berdasarkan teks atau melukis garis masa untuk mengukuhkan pemahaman mereka. Murid melukis menurut bagaimana cerita dalam teks agar mereka dapat lebih memahami apa yang hendak disampaikan. Penilaian terhadap strategi yang digunakan dijalankan dengan menggunakan teks yang berbeza secara individu. Murid tidak dinilai bagaimana mereka melukis tetapi dinilai apa yang mereka lukiskan.

Dalam pengajaran strategi yang terakhir, murid sekali lagi diminta untuk mengimbas kembali strategi yang telah diajar. Strategi '*Fix up*' kemudiannya diperkenalkan kepada para murid. Guru menyediakan contoh untuk menunjukkan cara penggunaan strategi '*Fix up*'.

Strategi ini digunakan jika murid menghadapi masalah dalam memahami makna sesuatu perkataan. Strategi ini mempunyai akronim yang direka guru iaitu USIA. USIA merupakan akronim bagi:

- '**U**' - untuk ulang semula bacaan di mana terdapat perkataan tersebut. Jika tiada hubungan makna dalam ayat tersebut.
- '**S**' - untuk lihat ayat sebelum dan sesudah. Makna biasanya dapat dicari dalam ayat-ayat tersebut.
- '**I**' - Jika masih menghadapi masalah, lihat '**I**', imbuhan perkataan. Adakah imbuhan menunjukkan kata kerja, kata nama atau kata



adjektif? Imbuhan dapat memberikan klu kepada makna perkataan.

- 'A' - Akhir sekali, murid juga dapat lihat kata akar, 'A', perkataan tersebut untuk mencari maknanya.

Setelah strategi diajar, murid kemudian melengkapkan lembaran kerja untuk mencari makna perkataan yang sukar dengan menggunakan strategi 'Fix up' yang telah diajar. Tugas pertama murid adalah melengkapkan aktiviti secara berpasangan sebelum meneruskan untuk menyelesaikan tugas secara individu.

Pengajaran untuk kitaran kedua dijalankan dengan menggunakan teknik yang sama untuk memerancah pemahaman murid supaya mereka memahami dan dapat menggunakan strategi yang diajar. Walau bagaimanapun, strategi-strategi tersebut digunakan serentak dan pada bila-bila masa ia diperlukan untuk membantu murid dalam pemahaman mereka.

### Pascaujian

Sebuah kriteria penilaian telah ditetapkan untuk murid. Kandungan jawapan kefahaman dan cara murid menjawab soalan telah dianalisis. Lembaran kerja yang digunakan sebagai perancah dijadikan contoh agar para murid dapat melihat dan membandingkan kerja mereka semasa proses pembelajaran. Lantas, mereka dapat melihat perbezaan di antara bekerja secara berpasangan dan individu. Murid diharapkan dapat berinteraksi dengan teks semasa menduduki peperiksaan agar dapat lebih memahami teks dan membolehkan mereka menjawab dengan lebih yakin. Keputusan pascaujian diambil daripada komponen kefahaman dalam peperiksaan Semester 1.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Keputusan menunjukkan 72% murid mengalami peningkatan antara 0.5 - 6 markah. Walau bagaimanapun, hanya 45% murid yang mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu mencapai 14 markah atau 70% daripada markah penuh kefahaman. Tiada sebarang perubahan dalam skor untuk 22% murid manakala 6% daripada mereka mencatatkan penurunan dalam markah mereka.



Penelitian telah dijalankan untuk mengenal pasti sebab murid mengalami penurunan markah. Setelah diteliti, murid yang mengalami penurunan markah didapati lemah dalam penguasaan kosa kata mereka. Hal ini menghalang mereka daripada memahami teks sepenuhnya kerana terdapat terlalu banyak kosa kata yang perlu mereka fikirkan tentang maknanya untuk membina pemahan dengan berkesan. Dalam tempoh masa yang diberikan untuk menjawab soalan peperiksaan, mereka tidak dapat menggunakan strategi-strategi yang diajar bagi memberi jawapan yang betul. Faktor ini boleh memberi kesan kepada pencapaian murid dan dapatan kajian kerana ia menyumbang kepada statistik yang dianalisis.

Walau bagaimanapun, keputusan peperiksaan PSLE yang diraih agak memberangsangkan. Laporan menunjukkan murid meraih keputusan melebihi purata nasional bagi kesemua bahagian terutama komponen kefahaman.

Selari dengan kajian para pengkaji, memerancah kefahaman membaca dengan menggunakan strategi-strategi kefahaman akan membawa kesan positif kepada pembinaan pemahaman murid.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa kesimpulan dapat dilakukan:

- Strategi-strategi memerancah amat penting dalam membantu murid memahami teks yang dibaca. Penggunaan strategi perancahan dalam pengajaran kefahaman dapat memberi bantuan yang sesuai kepada murid berdasarkan apa yang mereka perlukan untuk mencapai suatu matlamat yang di luar jangkauan mereka. Murid bukan sahaja dapat menjawab soalan dengan lebih baik, strategi yang diajar juga dapat membantu mereka dalam memahami konteks lainnya. Sokongan dan bantuan yang diberikan kepada murid menggalakkan mereka menyelesaikan tugas dan dapat menyelesaikan tugas yang lebih kompleks.
- Menurut Harvey dan Goudvis (2007), pengajaran kefahaman bukan sekadar mengajar tentang strategi sahaja tetapi mengajar murid menggunakan strategi dengan tujuan untuk memahami kandungan sesebuah teks itu dengan lebih baik. Kemahiran penggunaan strategi membolehkan murid bukan sahaja memahami teks kefahaman tetapi teks yang lainnya.



Berbekalkan pengalaman membaca mereka, diharapkan murid dapat pemahaman yang baharu dan kemudiannya dapat menjana pembelajaran yang baharu juga.

Oleh itu, sudah menjadi harapan guru bahawa murid mendapat manfaat daripada strategi-strategi yang telah diajar bukan sahaja daripada penggunaannya semasa peperiksaan tetapi juga untuk murid menjadi murid yang berdikari lantas menjadikan mereka pembaca yang dapat berfikir secara kritis.

## RUJUKAN

- Duke N. & Pearson P. D. (2009). *Effective practices for developing reading comprehension*. *Journal of Education*, 189, 107- 122.
- Harvey S. & Goudvis A. (2007). *Strategies that work: Teaching comprehension for understanding and engagement*. Portland, ME: Stenhouse.
- Ketch A. (2005). *Conversation: The comprehension connection*. *The Reading Teacher*, 59(1), 8-13.
- Roehler L.R. & Cantlon D.J. (1997). *Scaffolding: A powerful tool in social constructivist classrooms*. In K.Hogan & M. Pressley (Eds.),

